

KURSUS EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

TAJUK :
ADAT PERPATIH - PERBANDINGAN ANTARA SUKU
PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA
DI LUAK ULU MUAR

PENSYARAH :
EN. NURHALIM HJ. IBRAHIM

KUMP. 35
PENULIS

SULAIMAN B. HJ. BAHARIN	(43735)
FADILAH BTE IDRIS	(44017)
SALIM B. ATAN	(41876)
RAMLAN BT. HJ. AMIN	(42589)
JASUDIN B. MAMAT	(41799)

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR

08 SEPTEMBER 1995

KURSUS EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

TAJUK:
ADAT PERPATIH - PERBANDINGAN ANTARA SUKU
PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA
DI LUAK ULU MUAR

PENULIS:

SULAIMAN B. HJ. BAHARIN	(43735)
FADILAH BTE IDRIS	(44017)
SALIM B. ATAN	(41876)
RAMLAH BT HJ. AMIN	(42589)
JASUDIN B. MAMAT	(41799)

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG SELANGOR

08 SEPTEMBER 1995

PRAKATA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Segala puji-pujian ke atas Allah SWT dan junjungan besar

Nabi Muhammad SAW

Terlebih dahulu ingin dipanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kami telah dapat menyempurnakan tugas dan penulisan ini dengan jaya. Tugas berkumpulan dan penulisan ini dihasilkan bagi memenuhi syarat Kursus EPS 211 Masyarakat dan Perubahan bagi semester 1 ini.

Sesungguhnya kejayaan penghasilan penulisan ini adalah hasil kerjasama dan gabungan tenaga dan fikiran semua ahli kumpulan yang bertungkus lumus untuk mencari dan mengumpul maklumat bagi memenuhi maksud tajuk tugas ini iaitu Adat Perpatih: Perbandingan Antara Suku Paya Kumbuh Dengan Suku Biduanda Di Luak Ulu Muar, Negeri Sembilan.

Kesempatan ini juga diambil bagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Penyelaras Kursus ini iaitu Encik Nurhalim Hj. Ibrahim yang turut menyumbangkan buah fikiran serta tunjuk ajar bagi menyempurnakan penulisan ini. Tidak lupa juga kepada dua orang sumber utama iaitu Dato' Hj. Idris Tain dan Dato' Jong Kaya Hj. Mohammad B. Said yang banyak memberi maklumat tentang suku Paya Kumbuh dan suku Biduanda Waris kepada kumpulan ini semasa ditemu ramah. Tidak lupa juga kepada seluruh keluarga mereka di atas layanan mesra semasa kunjungan muhibah kami.

Akhir kata, adalah diakui bahawa penulisan ini masih belum sempurna dan mantap. Oleh itu, sebarang teguran membina amatlah diperlukan bagi memperbaiki penulisan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Penulis:

Sulaiman B. Hj. Baharin (43735)

Fadilah Bte Idris (44017)

Salim B. Atan (41876)

Ramlah Bt Hj. Amin (42589)

Jasudin B. Mamat (41799)

Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor.

08 September 1995

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Adat Perpatih Secara Umum	3
1.2	Ruang Lingkup	5
1.3	Batasan Kajian	5
1.4	Kaedah Kajian	5
2.0	SEJARAH LUAK ULU MUAR	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Asal-usul Nama Luak	8
2.3	Sejarah Ulu Muar	14
2.3.1	Persempadanan Ulu Muar	17
2.3.2	Penduduk Asal	19
2.3.3	Kedatangan Orang Minangkabau	21
2.4	Pentadbiran Luak	24
2.4.1	Fungsi Lembaga dan Buapak	26
2.4.2	Pesaka Penghulu Luak	27
3.0	SUKU PAYA KUMBUH	33
3.1	Asal-usul	33
3.2	Sistem Pentadbiran	35

3.2.1	Pesaka Lembaga	36
3.2.2	Tugas Utama Dato' Lembaga	38
3.2.3	Proses Kerjan	39
3.3	Adat Istiadat	40
3.3.1	Perkahwinan	40
3.3.2	Mas Kahwin	43
4.0	SUKU BIDUANDA	44
4.1	Asal Usul/Latar Belakang Suku Biduanda Di Ulu Muar	45
4.2	Struktur Organisasi Pentadbiran	46
4.3	Adat Istiadat	47
4.3.1	Mas Kahwin	47
4.3.2	Kahwin Sesama Suku	47
5.0	PERBANDINGAN ANTARA SUKU PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA WARIS	49
5.1	Taraf Suku	49
5.2	Struktur Organisasi Pentadbiran	50
5.3	Gelaran-gelaran	52
5.4	Adat Istiadat	53
5.4.1	Mas Kahwin	53
5.5.2	Kahwin Sesuku	54
6.0	KESIMPULAN	55

DAFTAR RAJAH

1. Peta Luak Ulu Muar
2. Salasilah Keturunan Pembesar di Negeri Sembilan
3. Salasilah Keturunan Keluarga Minangkabau di Ulu Muar
4. Struktur Organisasi Pentadbiran Adat Luak Ulu Muar
5. Senarai Pesaka Penghulu Luak Ulu Muar
6. Rajah Senarai Buapak Suku Paya Kumbuh di Ulu Muar
7. Senarai Penyandang Pesaka Lembaga Suku Paya Kumbuh di Luak Ulu Muar
8. Kadar Mas Kahwin Dalam Suku Paya Kumbuh
9. Struktur Organisasi Pentadbiran Suku Biduanda di Luak Ulu Muar
10. Kadar Mas Kahwin Luak Ulu Muar (Suku Biduanda)
11. Struktur Organisasi Pentabiran
12. Perbandingan Gelaran-gelaran Antara Suku Paya Kumbuh dengan Suku Biduanda
13. Perbandingan Kadar Mas Kahwin Antara Suku Paya Kumbuh dengan suku Biduanda

BAB ENAM

6.0 KESIMPULAN

Jelaslah bahawa ramai orang telah terkeliru apabila membicarakan tentang adat perpatih di Negeri Sembilan. Pada amnya, ramai orang beranggapan bahawa adat perpatih tidak lebih daripada apa yang dimengertikan sebagai 'adat istiadat' yang menjadi kebiasaan lazim diamalkan dalam masyarakat minang sekarang seperti adat nikah kahwin, adat bercukur anak, adat pinang-meminang dan lain-lain seumpamanya.

Maka diharapkan dengan pembentangan esei ilmiah ini, mudah-mudahan sedikit sebanyak dapat mengubah atau membetulkan tanggapan dan pandangan masyarakat umum terhadap apa sebenarnya dalam adat perpatih, ibarat 'sudah terang lagi bersuluh'. Adat perpatih ini bukan sahaja menjadi resam dan kebiasaan bagi orang-orang Melayu di Negeri Sembilan dalam percaturan hidup bermasyarakat sehari-hari, malah lebih daripada itu adat perpatih adalah 'hukum' yang terjelma dalam sistem sosial masyarakatnya di samping menjadi undang-undang dalam pentadbiran negeri, seperti yang diperkuatkan dalam perbilangan:

Biar mati anak jangan mati adat
Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
Dianjak layu, dicabut mati
Gemuk berpupuk, segar bersiram
Berjenjang naik, bertangga turun
Patah tumbuh hilang berganti
Pesaka bergilir saka berwaris
Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan kitabullah
Syarak mengata, adat mengikut (memakai)
Adat dan syarak sandar-menyandar

(Perbilangan ini lahir setelah orang Minangkabau
memeluk Islam)

Adat perpatih merupakan peraturan hidup bermasyarakat dan berpolitik serta pentadbiran negara yang terjalin dengan konsep demokrasi. Adat perpatih juga telah mengajar manusia dalam sistem pentadbiran berdemokrasi dan paing ulung di dunia ini. Pepatah yang menyebut dalam 'berjenjang naik dan bertangga turun' itu agak jelas mencerminkan betapa kentalnya sistem demokrasi dituntut dalam pentadbiran adat perpatih. Amalan demokrasi dipraktikan dalam menyusun pentadbiran negeri seperti perbilangannya:

Bulat anak buah menjadikan Buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Penghulu/Undang
Bulat Penghulu/Undang menjadikan Raja.

Pepatah, petitih dan perbilangan itu adalah hukum

adat (undang-undang) yang menjadi pegangan dalam memutuskan satu-satu perkara berbangkit pada masa dahulu. Tetapi setelah Ingeris mencampuri pentadbiran negara maka undang-undang British telah dipakai sehingga pentadbiran mengikut sistem adat perpatih hilang dan dilenyapkan. Yang tinggal hanyalah 'adat istiadat' yang dipakai semasa nikah kahwin, pembahagian pesaka, adat di istana, istiadat mengadap Raja dan seumpamannya. Hinggalah sekarang, generasi muda telah terbawa-bawa membuat tafsiran bahawa adat perpatih ini sudah ketinggalan zaman, usang dan lapuk. Sebab itulah dalam pepatah petiti Melayu ada disebutkan 'tak kenal maka tak cinta', disebabkan mereka tidak kenal adat perpatih, maka kerana itulah mereka tidak mencintainya. Memang tidak dapat dinafikan ada antara peraturan adat itu yang agak usang dan semestinya diganti atau diperbaiki. Adat itu sendiri telah mengungkapi:

Yang buruk dibaharui
Yang usang diganti
Ibu adat itu muafakat.

Pada zaman moden ini pun, undang-undang dan peraturan-peraturan yang dibuat adalah sentiasa dipinda dan diperbaharui, malah ada yang dibuang langsung kerana semuanya adalah ciptaan manusia. Begitu juga halnya dengan Adat

Perpatih itu sendiri perlu disesuaikan dengan peredaran zaman yang serba maju ini. Apa yang terjadi dan berlaku 400 atau 500 tahun yang lalu sudah pasti tidak sama dengan apa yang terjadi dalam kurun ke-20 ini. Adat perpatih telah mengalami perubahan apabila orang-orang Minangkabau memeluk agama Islam dengan menambah perbilangan:

Adat bersendikan hukum
Hukum bersendikan kitabullah.

Perlu rasanya ditegaskan lagi. sebelum negara kita dijajah oleh Inggeris dalam akhir kurun yang lalu, adat perpatih menjadi pegangan dalam sistem pentadbiran Negeri Sembilan baik dari segi melantik pembesar-pembesar negeri, hukum jenayah, pembahagian pesaka dan lain-lain seumpamanya. Semuanya berpandukan dan didasarkan kepada adat, pepatah petiti, perbilangan yang menjadi panduan dalam hukum beradat.

Adat Perpatih juga mempunyai nilai falsafah yang tinggi sebagaimana contoh di bawah:

Kerbau tak terkandang, seladang
Padi tak berpagar, lalang.

Jika ditafsirkan perbilangan ini secara halus, ia mempunyai nilai kata-kata yang tinggi. Jika anak-anak buah memegang dan mempraktikkan kata-kata ini nescaya tidak akan berlaku sebarang pertengkaran dan pergaduhan sesama tetangga dan dalam masyarakat kampung kerana ia membawa maksud:

Yang memiliki kerbau harus dikandang
Yang memiliki sawah padi harus dipagar.

Walaupun demikian, adat perpatih tetap memberikan jalan penyelesaian sekiranya terjadi juga perkara-perkara yang tidak diingini seperti kerbau terlepas dari kandang, pagar sawah roboh dirempuh kerbau, padi jiran dimakan juga oleh sang kerbau, maka dengan ini barulah digunakan adat yakni undang-undang. Pemegang adat iaitu Dato'-dato' Lembaga atau Dato'-dato' Penghulu akan menjatuhkan hukuman yang setimpal dan adil.

Dalam menyelesaikan sesuatu keputusan atau menjalankan undang-undang, keadilan dan permuafakatan sangat dititikberatkan. Seseorang pemimpin yang hendak menyelesaikan sebarang persengketaan hendaklah:

Macam menarik rambut dalam tepung
Rambutnya jangan putus, tepungnya jangan berserak
Kalau keruh dijernihkan, kalau kusut diusai.

Seseorang pemimpin dalam adat ini mempunyai ciri-ciri yang boleh memberikan teladan kepada pemimpinnya:

Fikir itu pelita hati
Terang punca bicara
Hening seribu akal
Kerana sabar, benar mendatang.

Perkara-perkara yang ditonjolkan di atas tadi adalah merupakan sebahagian daripada perkara-perkara yang perlu diberi perhatian supaya kita berlaku adil sebelum memperkatakan sesuatu yang negatif atau terpesong tentang adat perpatih ini. Bagi kami yang membuat kajian ini telah membuat satu kesimpulan bahawa satu penghormatan perlu diberi kepada Dato' Perpatih Nan Sebatang dan Dato' Ketemenggungan yang telah menyusun dan mengatur adat ini dengan begitu indah dan tersusun rapi. Kita perlu ingat bahawa kira-kira 500 tahun dahulu yang mana manusia belum tahu menulis dan membaca, belum ada sekolah rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi namun kedua-dua beradik ini Perpatih dan Ketemenggungan dan tentunya dengan dibantu oleh orang-orangnya telah dapat menyusun adat bermasyarakat dan bernegara yang indah tersusun rapi dan tinggi nilai falsafahnya. Kita sepatutnya turut berasa bangga dengan nilai yang terdapat adat perpatih ini dan mempunyai cita-

cita untuk mempertahankan dan mengembalikan keasliannya di alam Melayu ini. Sewajarnya kita tidak seharusnya beranggapan bahawa sistem perundangan penjajah yang kita turuti dengan membuta tuli yang kekal dalam sistem pentadbiran negara kita merupakan sesuatu yang sempurna yang amat sesuai sehingga kita menganggap warisan adat dan budaya kita sudah lapuk dan ketinggalan zaman.

Memang jika dilihat secara sepintas lalu, anggapan demikian ada kebenarannya. Tetapi sebaliknya kalau kita mengkaji secara mendalam, lebih-lebih lagi kalau mengambil kesempatan melihat dari dekat dari mana lahir dan tumbuhnya adat ini iaitu di alam Minangkabau, akan terserlahlah:

Berkilau tidak semestinya permata
Kuning tidak semestinya emas
Merah tidak semestinya saga.

Sebelum membuat kajian ini, kami sendiri beranggapan bahawa adat ini sudah lapuk dan usang. Begitu juga kebanyakan daripada manusia yang hidup:

Di lingkungan bendul rumah yang berketak
Tangga yang berlamam.

di bumi yang mengamalkan adat perpatih sendiri juga beranggapan demikian sebelum membuat kajian yang mendalam tentang

nya dahulu. Demikianlah juga hanya dengan anak-anak muda sekarang yang sudah begitu banyak menempuhi cara hidup dan tamadun yang dibawa oleh orang-orang Barat serta alam sekeliling yang mempengaruhi jiwa dan pandangan mereka, sudah tentulah menganggap sepi sahaja terhadap adat ini seolah-olah:

Melukut di tepi gantang
Masuk tak penuh, keluar tak luak
Jatuh ke halaman tak dipatuk ayam
Jatuh ke air tak disudu itik.

Apabila kami membuat kajian yang sebenar serta pendekatan yang khusus setelah berpeluang menemui orang tua-tua, pemuka-pemuka adat dan cerdik pandai Minangkabau dalam lawatan beberapa kali dengan ahli kumpulan ke alam nenek moyang ini, memang sangat bertepatanlah seperti kata pepatah:

Hanya jauhari yang maknikam

Daripada kajian yang kami lakukan juga, sedikit sebanyak apa yang dilihat, dipelajari dan dialami, di samping memberikan perhatian yang mendalam, memanglah adat ini bukan sekadar menjadi halwa telinga disirat dengan madah serta falsafah yang tahan diuji sepanjang zaman.

Tidak kedapatan dalam sistem adat ini yang boleh dianggap bertentangan dengan cara hidup bermasyarakat yang telah kita anuti pada zaman moden ini. Bagaimanapun seperti juga peraturan dan undang-undang dunia yang lainnya, memang tidak ada yang kekal, tidak ada yang abadi melainkan kita harus menyesuaikan dengan peredaran zaman dan masa. Sebab itulah ditegaskan:

Usang-usang diperbaharui
Koyak ditampung
Pendek disambung
Panjang dikerat
Yang elok jadikan teladan
Yang buruk jadikan sempadan.

Kadang kala ramai yang terkeliru tentang adat ini apabila mereka tidak dapat membezakan adat, istiadat, adat istiadat dan resam. Demikian juga dengan istilah apabila kita mencari penyelesaian adat sama ada adat mencari benar atau benar mencari adat. Sedang yang sebenar-benarnya adalah adat bukannya sebenar-benar adat adalah benar.

Adat yang sebenar-benar adat itulah yang dikatakan 'tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan' kerana kebenaran itu harus dipelihara sebaik-baiknya seperti berikut:

Gemuk berpupuk
Segar bersiram.

Kebenaran inilah yang diperlukan dalam mencari keadilan, kesaksamaan dan kesejahteraan. Dalam menentukan kebenaran inilah juga maka ditegaskan:

Adat bersendikan hukum
Hukum bersendikan syarak
Syarak mengata adat menurut.

Apakah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan tidak boleh diubah ? Jawabnya boleh. Asalkan ia mempunyai asas kebenaran bukan kebatilan, memberi manfaat bukannya mudarat, dan mendorong kepada kemudahan bukannya kesukaran. Sebab itulah dijelaskan:

Ibu adat.....MUAFAKAT

BIBLIOGRAFI

1. A. Samad Idris (1960) : Takhta Kerajaan Negeri Sembilan,
Kuala Lumpur; Utusan Melayu Bhd.
2. _____ (1968) : Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Kuala Lumpur; Utusan Melayu Bhd.
3. _____ dan Rakan-rakan, (1994) : Negeri Sembilan Gemuk
Berpupuk Segar Bersiram; Luak Tanah Mengandung,
Shah Alam; Malindo Printers Sdn. Bhd.
4. Buyong Adil, (1979) : Sejarah Johor, Kuala Lumpur; Dewan
Bahasa dan Pustaka.
5. Harun Che Su (1981) : Geografi Fizikal, Petaling Jaya,
Fajar Bakti Sdn Bhd.
6. Nurhalim Hj. Ibrahim, (1995) : Negeri Yang Sembilan,
Shah Alam; Fajar Bakti Sdn. Bhd.

ORANG SUMBER

Nama Tokoh : Dato' Hj. Idris B. Tain

Jawatan : Dato, Lembaga

Suku : Paya Kumbuh

Luak : Ulu Muar

Gelaran : Dato' Senara Kaya

Nama Tokoh : Dato' Hj. Mohammad B. Said

Jawatan : Buapak

Suku : Biduanda Waris

Luak : Ulu Muar

Gelaran : Dato' Jong Kaya